



MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL. 12 /2018

Rujukan : Bil (24) dlm.MBI.B1/12/1/12 JLD.2

Jabatan Perbendaharaan
Majlis Bandaraya Ipoh

12 September 2018

Pengarah-Pengarah Kanan /
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Semua Pembantu Tadbir (Kanan)
Majlis Bandaraya Ipoh

Tuan / Puan,

**PELAKSANAAN CUKAI PERKHIDMATAN DI MAJLIS BANDARAYA IPOH
BERKUATKUASA PADA 1 SEPTEMBER 2018**

Adalah saya dengan hormatnya memohon perhatian tuan/puan mengenai perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, dimaklumkan pihak Kerajaan Persekutuan telah mengeluarkan perwartaan **Akta Cukai Barang Dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018, Menteri Kewangan bertarikh 28 Ogos 2018 menetapkan 1 September 2018 sebagai tarikh Akta itu mula berkuat kuasa.** Oleh yang demikian, Majlis Bandaraya Ipoh telah diluluskan pendaftaran di bawah seksyen 13, Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (No Daftar Cukai Perkhidmatan : A10-1809-32000023) bertarikh 7 September 2018 yang hanya melibatkan Cukai Perkhidmatan Letak Kereta (dikepulkan).

3. CUKAI JUALAN 2018

3.1 Cukai Jualan 2018 adalah cukai seperingkat yang dikenakan ke atas barang yang diimpot dan barangan kilangan tempatan sama ada pada masa pengimportan atau pada masa barang itu dijual atau dlpuskan oleh pengilang berdaftar. Syarikat (Pengeluar atau Subkontraktor) yang mencapai nilai jualan (threshold) yang melebihi RM500,000 setahun adalah bertanggungjawab untuk didaftarkan di bawah Akta Cukai Jualan 2018. Kadar Cukai adalah pada kadar 5% atau 10% berdasarkan kumpulan barangan bercukai.

3.2 **Majlis Bandaraya Ipoh tidak tertakluk kepada Akta Cukai Jualan 2018.**
Peruntukan pengecualian dari cukai jualan adalah seperti berikut:

- a) Jadual A : Kelas orang, misalnya Pemerintah Negeri, Jabatan Kerajaan Persekutuan, **Pihak Berkuasa Tempatan**, Depot Pelepasan Dalam Negeri, Kedai Bebas Cukai
- b) Jadual B : Pengilang barang tidak boleh dicukai – pengecualian cukai ke atas perolehan bahan mentah, komponen, pembungkusan yang akan digunakan dalam aktiviti perkilangan
- c) Jadual C : Pengilang berdaftar – pengecualian cukai ke atas perolehan bahan mentah, komponen, pembungkusan yang akan digunakan dalam pembuatan makanan bercukai

4. CUKAI PERKHIDMATAN 2018

- 4.1 Cukai Perkhidmatan adalah cukai yang dikenakan dan dilevikan ke atas mana-mana perkhidmatan bercukai yang diberikan di Malaysia oleh orang berdaftar dalam menjalankan perniagaannya. Kadar Cukai adalah pada kadar 6% untuk semua perkhidmatan yang disediakan.
- 4.2 Majlis Bandaraya Ipoh tertakluk kepada Akta Cukai Perkhidmatan 2018 bagi Perkhidmatan Letak Kereta iaitu mana-mana orang, agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun yang mengendalikan atau menyediakan ruang letak kereta kenderaan dan jumlah nilai perkhidmatan yang melebihi RM500,000 setahun adalah bertanggungjawab untuk didaftarkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.
- 4.3 Cukai perkhidmatan terdiri daripada perkhidmatan seperti penginapan (Hotel/Rumah Rehat), Insuran & Takaful, Penyediaan Makanan & Minuman, Bekalan Elektrik (Lebih daripada 600 kWh), Pertaruhan dan Perjudian, Perkhidmatan Profesional (Perakaunan, Arkitek, Penilaian, Kejuruteraan dan Komputer) , kad Kredit/Caj dan **Letak Kereta**.


5. PEMBELIAN TERUS/ LANTIKAN TERUS / SEBUT HARGA / TENDER

- 5.1 Bagi pembelian barangan yang tertakluk kepada Akta Jualan dan Perkhidmatan 2018, berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia serta dibekalkan terus dari pengilang hendaklah dimasukkan klausa SST.
- 5.2 Bagi projek yang tidak tertakluk kepada Akta Jualan dan Perkhidmatan 2018, tidak perlu dimasukkan klausa SST.

6. Kerjasama, perhatian dan tindakan anggota yang terlibat bagi perkara ini adalah amat dihargai. Pelaksanaan Arahan Kewangan ini adalah berkuatkuasa serta merta.

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

"IPOH BERSIH, HIJAU DAN MAJU"



(**MOHD ZAKUAN BIN HAJI ZAKARIA**)
Setiausaha Bandaraya.